

## 10 juta penduduk sudah dibanci

29 Januari 2021, 6:05 pm

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengesahkan seramai 10 juta penduduk meliputi 3.3 juta tempat kediaman di negara ini sudah dibanci menerusi platform e-Census (banci dalam talian) setakat semalam

Pesuruhjaya Banci 2020, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, jumlah itu adalah kira-kira 30.4 peratus daripada anggaran 32.7 juta penduduk Malaysia pada tahun lalu.

Katanya, daripada dapatan 10 juta penduduk itu, 50.1 peratus ialah perempuan manakala 49.9 peratus ialah lelaki.

“Berdasarkan data terkini, empat negeri mencatatkan respons bilangan penduduk tertinggi iaitu Putrajaya (90.9 peratus), Johor (48.2 peratus), Perlis (45 peratus) dan Perak (43.5 peratus).

“Manakala negeri terendah pula ialah Sabah (8.9 peratus), Labuan (17.6 peratus) dan Sarawak (18.9 peratus).

“Selebihnya ialah Melaka (38.9 peratus), Pulau Pinang (38 peratus), Negeri Sembilan (35.2 peratus), Terengganu (32.5 peratus), Selangor (31.4 peratus), Kuala Lumpur (28.4 peratus), Kelantan (27.3 peratus), Kedah (25.8 peratus) dan Pahang (24 peratus),” katanya pada sidang akhbar Pemakluman Respons Banci Malaysia 2020 hari ini.

Mohd. Uzir berkata, bagi statistik warganegara, etnik Bumiputera mencatatkan peratusan tertinggi sebanyak (67.1 peratus), diikuti etnik Cina (26 peratus), India (6.3 peratus) dan lain-lain (0.6 peratus), manakala bukan warganegara adalah sebanyak 2.3 peratus.

Selain itu, katanya, rianggarkan seramai 22.7 juta penduduk atau 69.4 peratus daripada anggaran 32.7 juta penduduk Malaysia masih belum mengisi Banci Malaysia 2020.

“Terdapat 320,000 isi rumah yang membabitkan 1.2 juta penduduk telah mendaftar di platform e-Census tetapi masih belum melengkapkan pengisian e-Census sepenuhnya,” katanya.

<https://www.kosmo.com.my/2021/01/29/10-juta-penduduk-sudah-dibanci/>